



ANTARA pelajar yang hadir dalam program itu.

Kursus Kepimpinan Pembimbing Suai Mesra (Perkasa) Sesi 2016/2017

UB 25-8-2016 B3

SERAMAI 144 peserta menyertai Kursus Kepimpinan Pembimbing Suai Mesra (Perkasa) Sesi 2016/2017 selama tiga hari bermula pada 8 Ogos sehingga 13 Ogos 2016 di Kolej Kediaman Tuan Fuad.

Program itu dianjurkan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS diadakan setiap tahun kepada bakal pembimbing yang akan bersama dengan pelajar baharu pada September ini.

Antara tujuan kursus ini adalah memberi pendedahan melalui taklimat daripada Bahagian Perkhidmatan Akademik, Pusat Rawatan Warga dan Bahagian Keselamatan untuk persediaan awal bagi menyambut pelajar baharu semasa Minggu Suai Mesra (MSM) 2016 berlangsung melalui modul yang disediakan.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah menasihatkan bakal pembimbing, agar



ISMAIL menyampaikan cenderamata.

menimba ilmu sebanyaknya semasa kursus ini dijalankan kerana mereka akan membawa imej UMS apabila menyambut ketibaan pelajar baharu nanti bermula di lapangan terbang sehingga ke bilik tidur mereka.

“Kita di UMS pasti akan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik kepada bakal pelajar kita yang akan datang

kelak,” katanya.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Dr. Ismail Ali, yang turut hadir semasa majlis penutupan Kursus Kepimpinan Pembimbing Suai Mesra (Perkasa) berkata program seperti ini seharusnya dianjurkan agar dapat melahirkan pelajar yang holistik dan seimbang.



ISMAIL bersalaman dengan peserta ketika tiba dalam majlis itu.